



## **Kenyataan Dasar**

### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

#### **1/2015**

Tarikh: 13 Julai 2015

#### **Ekonomi Global**

1. Pertumbuhan ekonomi global kekal sederhana dan tidak seimbang pada separuh pertama 2015. Pelaksanaan dasar monetari yang akomodatif dan harga komoditi yang rendah dijangka akan membantu pertumbuhan ekonomi di Eropah dan Jepun. Sementara itu, *emerging economies* mengalami pertumbuhan yang lembab disebabkan oleh permintaan luar yang lemah dan jumlah beban hutang negara yang semakin meningkat yang mana menjejaskan penggunaan domestik.

#### **Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

2. Ekonomi Negara Brunei Darussalam kembali pulih pada suku terakhir 2014 dengan mencatatkan pertumbuhan 0.2% tahun ke tahun, setelah mengalami penurunan berturut-turut sejak suku pertama 2014. Walau bagaimanapun, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga tetap telah menurun sebanyak 2.3% tahun ke tahun pada 2014. Sektor Minyak dan Gas pada 2014, menurun sebanyak 3.7% disebabkan oleh penurunan harga minyak yang mendadak pada separuh tahun kedua 2014. Sektor Bukan Minyak dan Gas juga turut menurun sebanyak 0.4%, disebabkan oleh pertumbuhan yang kurang memberangsangkan dalam sektor Pembinaan dan sektor Perkhidmatan Perniagaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan positif telah

dicatatkan dalam sektor-sektor yang lain, seperti sektor Kesihatan, Pendidikan, Perkhidmatan Kerajaan dan Perkhidmatan Kewangan.

3. Harga pengguna kekal stabil pada 2014 dan separuh pertama 2015. Kadar inflasi menurun sebanyak 0.2% pada 2014 dan menunjukkan penurunan sebanyak 0.3% tahun ke tahun bagi Mei 2015<sup>1</sup>. Penurunan harga pengguna dicatatkan bagi Pengangkutan; Pakaian dan Kasut; dan Pendidikan. Penurunan harga makanan global pada beberapa tahun kebelakangan ini telah memanfaatkan Brunei Darussalam. Pada Jun 2015, Indeks Harga Makanan UNFAO<sup>2</sup> menurun sebanyak 21% tahun ke tahun, iaitu 31.2% di bawah tahap Indeks Harga Makanan pada Februari 2011.
4. Dolar Brunei, selaras dengan Dolar Singapura, telah menurun berbanding Dolar US yang semakin kukuh. Walau bagaimanapun, Dolar Brunei bertambah nilai berbanding dengan nilai mata wang rakan perdagangan yang lain sejak awal tahun 2015. Tren tersebut dijangka akan berterusan dan akan dapat membantu mengawal tekanan inflasi dari peningkatan inflasi global bagi bulan-bulan seterusnya.

### **Perkembangan Kewangan Negara Brunei Darussalam**

5. AMBD telah mengeluarkan beberapa Notis Peraturan yang baru kepada institusi-institusi kewangan yang berkenaan pada 28 Mei 2015. Notis – notis ini bertujuan untuk mengawal hutang isi rumah yang boleh menjadi sumber kelemahan kepada sosio-ekonomi negara dengan:-

5.1 Menggalakkan institusi-institusi kewangan untuk memberi pembiayaan yang lebih bertanggungjawab dan beretika;

---

<sup>1</sup> Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri

<sup>2</sup> Food and Agriculture Organization of the United Nations

5.2 Mempromosikan dan meningkatkan kebolehan pengurusan hutang (*financial debt management*) di kalangan orang ramai bagi kepentingan kestabilan ekonomi dan kewangan; dan

5.3 Menjaga dan melindungi kepentingan pelanggan.

6. Notis-notis peraturan tersebut telah mula berkuatkuasa pada 8 Jun 2015 di mana antarlain isi kandungan utama mengenainya adalah memperkenalkan mekanisme Keseluruhan Nisbah Khidmat Pembayaran Hutang atau *Total Debt Service Ratio* (TDSR) kepada pelanggan-pelanggan yang berkeinginan untuk mengambil kemudahan pembiayaan, peraturan terhadap pembiayaan peribadi yang tidak bercagar, peraturan yang membolehkan bank-bank untuk menawarkan Skim Penyatuan (*Consolidation*) Pembiayaan dan peraturan bagi mengawal caj-caj perkhidmatan yang tertentu.
7. Pada 2014, jumlah aset dan deposit dalam sistem perbankan masing-masing telah menurun sebanyak 3.7% dan 4.3% berbanding dengan 2013. Tren ini berterusan pada penghujung suku pertama 2015, yang mana jumlah aset telah mencatatkan penurunan sebanyak 5.2% disebabkan oleh penurunan penempatan aset secara *offshore*, manakala deposit juga telah menurun sebanyak 6.6%. Pembiayaan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.0% pada 2014 dan pertumbuhan yang positif sebanyak 2.4% telah direkodkan pada suku pertama 2015, berjumlah B\$5.6 bilion.
8. Sektor perbankan di negara ini terus menunjukkan ketahanan dengan *Regulatory Capital Adequacy Ratio* pada suku pertama 2015 adalah 21%, melebihi keperluan mandatori minima 10%. Petunjuk-petunjuk utama keuntungan pada suku pertama 2015, iaitu *Return on Assets* (ROA) dan *Return on Equity* (ROE), masing-masing adalah 1.1% dan 7.9%. Nisbah pembiayaan yang tidak berbayar telah menunjukkan pembaikan di mana nisbah berkenaan telah menurun kepada 5.9% pada suku pertama 2015 daripada 7.4% pada suku pertama 2014.

9. Dua notis di bawah *Securities Markets Order, 2013 (SMO)* telah dikeluarkan pada 17 November 2014 dan 1 Februari 2015 seperti berikut: -
- 9.1 Notis pertama adalah mengenai pendaftaran kontrak *Investment-linked Insurance* yang dikenakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar atau berlesen untuk menjalankan perniagaan insurans atau takaful di bawah mana-mana undang-undang yang bertulis yang berkaitan dengan pengawalseliaan insurans atau takaful di Negara Brunei Darussalam.
- 9.2 Notis kedua adalah mengenai tarikh permulaan penguatkuasaan *Securities Markets Regulations, 2015 (SMR)* yang dikenakan kepada semua entiti yang dikawal selia di bawah *Securities Markets Order, 2013 (SMO)*. SMR, 2015, satu perundangan subsidiari kepada SMO telah berkuatkuasa pada 1 Februari 2015.
10. Sejalan dengan amalan terbaik antarabangsa, AMBD telah merancang untuk meluaskan liputan data Biro Kredit dengan memasukkan maklumat kredit daripada pembekal-pembekal utiliti seperti bekalan elektrik dan telekomunikasi. Dalam usaha ini, AMBD telah pun menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) yang berasingan dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri pada 30 April 2015 dan DST Communication Sendirian Berhad pada 5 Mei 2015. Tujuan MoU-MoU ini ialah untuk mewujudkan asas kerjasama dengan pembekal-pembekal utiliti bagi mengongsikan maklumat-maklumat kredit pelanggan yang relevan kepada Biro Kredit AMBD. Ini akan meningkatkan lagi fungsi pengurusan risiko kredit bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan; memperbaiki proses mendapatkan kembali hutang dan kutipan; mewujudkan sejarah kredit yang baik bagi peminjam kali pertama atau yang mempunyai "*thin credit files*"; dan menyemai budaya kredit yang sihat di kalangan orang ramai.

11. Hari AMBD 2015 telah diadakan pada 28 – 20 Mei 2015, dengan objektif utama untuk memberigakan dan mempromosikan peranan AMBD sebagai bank pusat Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu, Hari AMBD 2015 ini juga diharap akan dapat menggalakkan budaya menabung dan pengurusan kewangan yang berhemat selaras dengan tema Hari AMBD 2015, iaitu *"Facilitating your Financial Future"*. Mesej ini adalah bersesuaian dengan aspirasi negara bagi menuju ke arah masyarakat yang inklusif dan celik kewangan, mengambil kira pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang sedia ada pada masa ini. Ianya juga selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Tahun Baru Hijrah 1430 yang antarlainnya menekankan bagi rakyat negara ini untuk terus bergerak ke hadapan kearah meningkatkan taraf hidup, bagi mencapai tahap kemiskinan sifar serta mendokong matlamat "Wawasan 2035", khususnya di dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat Negara Brunei Darussalam. Pada acara Hari AMBD 2015 juga, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), telah mengisytiharkan 28 Mei sebagai "Hari Menabung Kebangsaan" bagi Negara Brunei Darussalam dengan menekankan kepentingan perbelanjaan berhemat dan pengurusan kewangan yang bijak.
12. AMBD juga telah melancarkan sebuah aplikasi telefon pintar yang bertujuan untuk memperkenalkan AMBD dan institusi-institusi kewangan yang dilesenkan oleh AMBD kepada orang ramai serta memberi kesedaran mengenai penipuan kewangan. Aplikasi tersebut dihasilkan oleh pihak AMBD dengan usahasama sebuah syarikat IT tempatan, DotRoot Technologies di mana, fungsi-fungsi utama aplikasi adalah fungsi pencarian bagi mengenal pasti institusi-institusi kewangan yang dilesenkan AMBD, memberikan maklumat mengenai penipuan kewangan, mempamerkan video-video

kesedaran yang berkaitan dengan celik kewangan dan juga penipuan kewangan, perkembangan dan berita terkini mengenai AMBD dan kemudahan untuk menghubungi AMBD

### **Perkembangan Masa Depan**

13. AMBD dengan kerjasama Kementerian Kewangan sedang melaksanakan projek penubuhan bursa saham tempatan. Penubuhan ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti industri kewangan dan meningkatkan sumbangan perkhidmatan kewangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sepertimana yang dihasratkan di dalam Wawasan 2035. Syarikat-syarikat di negara ini akan berpeluang untuk mendapatkan pembiayaan alternatif selain daripada pinjaman bank. Disamping itu, ianya akan menyediakan landasan bagi rakyat Brunei untuk melabur di dalam saham dengan mudah.
  
14. AMBD, dengan kerjasama *Brunei Insurance and Takaful Association* (BITA) telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk 'Buku Takaful dan Insurans Saya', di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris, yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai konsep dan manfaat yang boleh diperolehi daripada Takaful dan Insurans. AMBD akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk meningkatkan akses kesedaran insurans melalui teknologi dan media sosial.